

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 18 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 6**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1422-MQT0546  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi menangani masalah kesihatan mental rakyat Malaysia yang semakin membimbangkan agar masalah tersebut dapat dikurangkan selari dengan visi Kementerian Kesihatan untuk melahirkan suatu masyarakat yang seimbang dan sihat dari segi psikologi.
  
2. PR-1422-MQT0552  
**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [ Petrajaya ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah ada ancaman terhadap kesihatan atau keselamatan yang timbul daripada menara-menara telekomunikasi dan radiasi pemancar sekiranya Menara tersebut diletakkan di lokasi-lokasi yang berhampiran dengan kawasan-kawasan perumahan.
  
3. PR-1422-MQT0549  
**Dato' Sri Dr. Santhara [ Segamat ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan Malaysia memiliki sumber kekayaan dari pelbagai jenis mineral dan yang terkini dipercayai negara juga berpotensi mengeluarkan '*Rare Earth*' (RE) yang begitu bernilai ekonomi. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk membangunkan potensi baru ini. Apakah perlu ditubuhkan entiti atau organisasi baru untuk memberi lebih fokus kepada usaha ini supaya lebih efektif.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 18 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 32**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1422-L04371  
**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [ Tebrau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan daripada jumlah permohonan diterima sepanjang tempoh 2013-2018, berapakah permohonan kewarganegaraan yang telah ditolak dan tertunda di bawah Artikel 14 (1) (b) Artikel 15 (1), Artikel 15 (2), Artikel 15A dan Artikel 19. Apakah inisiatif diambil bagi menyelesaikan permohonan yang tertangguh.
  
2. PR-1422-L04580  
**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah Malaysia untuk menangani kesan daripada perang perdagangan antara China dan Amerika.
  
3. PR-1422-L05428  
**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan ataupun hala tuju askar Wataniah. Adakah Kerajaan berhasrat untuk mempertimbangkan untuk memperluaskan skop dan peranan askar Wataniah yang berbentuk kemasyarakatan agar menarik minat dan penglibatan pelbagai kaum dalam Rejimen Askar Wataniah.

4. PR-1422-L05572  
**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan semenjak pelantikan Ketua Polis Negara yang baru, apakah pelan strategik dan hala tuju pembangunan sumber manusia, logistik dan kebajikan untuk anggota PDRM dalam tempoh 5 tahun akan datang dan jumlah yang akan dibelanjakan untuk melaksanakan pelan tersebut. Selain itu, apakah dasar-dasar yang akan dilaksanakan di dalam usaha jangka masa tersebut bagi memastikan perkhidmatan terbaik diberi pada rakyat dan persepsi rasa selamat rakyat di angka indeks yang memuaskan.
  
5. PR-1422-L05244  
**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah import daging lembu bagi tahun 2018 dan apakah piawaian Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam memproses permohonan permit import daging lembu serta berapa lamakah proses ini diambil sebelum kelulusan diberikan.
  
6. PR-1422-L04615  
**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kutipan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk tempoh Januari hingga Jun 2019 dan perbandingan dengan tempoh yang sama tahun 2018 dan 2017.
  
7. PR-1422-L04567  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan harga barangan kekal stabil di samping menyekat kenaikan barangan keperluan sepanjang Aidilfitri yang lalu dan perayaan-perayaan yang akan datang.
  
8. PR-1422-L04913  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi melihat isu masalah Autisme di kawasan luar bandar seperti di rumah panjang dan kampung agar ibu bapa mendapat akses kepada khidmat bantuan serta kesedaran Autisme di kalangan mereka.

9. PR-1422-L04386  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah jaminan keselamatan terhadap kedaulatan Malaysia daripada ancaman pengintipan:-
- (a) apabila Malaysia komited untuk kekal menggunakan teknologi syarikat gergasi China, Huawei; dan
  - (b) apabila Malaysia menerima 12 buah "*surveillance drones*" bernilai RM80 juta daripada Amerika Syarikat secara percuma.
10. PR-1422-L05176  
**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status semasa projek solar LSS3 dan berapakah syarikat kontraktor yang mendapat tawaran tersebut.
11. PR-1422-L05082  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan statistik kes penyebaran berita palsu yang telah direkodkan setelah Akta Anti Berita Tidak Benar dimansuhkan dan apakah langkah yang akan diambil Kementerian dalam menguatkuasakan undang-undang sedia ada bagi membanteras kes penyebaran berita palsu ini.
12. PR-1422-L04938  
**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memainkan peranan yang lebih proaktif lagi dalam memberikan pendedahan awal kepada ibu bapa, guru, pendidik dan masyarakat tentang bagaimana mengelakkan daripada berlakunya kejadian jenayah seksual terhadap kanak-kanak.
13. PR-1422-L05149  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memantapkan dan memperkasakan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) di negara ini khususnya bagi membolehkan sistem pengiktirafan bersepadu dilaksanakan dan melahirkan pelatih yang memenuhi keperluan industri.

14. PR-1422-L04591  
**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah yang telah dilakukan bagi merealisasikan tanaman nanas sebagai tanaman selingan dalam usaha untuk membantu meningkatkan pendapatan pekebun sawit dan getah.
15. PR-1422-L05647  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-
  - (a) jumlah penerima manfaat hasil daripada program "*Food Bank Malaysia*"; dan
  - (b) usaha-usaha yang dijalankan bersama pihak industri bagi memastikan program ini terus berjalan sepanjang tahun.
16. PR-1422-L05365  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah bentuk penalti yang Kerajaan ingin kenakan kepada TNB seperti yang dimaklumkan baru-baru ini berkaitan aduan pengguna mengenai kenaikan bil dan penggunaan meter pintar di Melaka.
17. PR-1422-L04742  
**Tuan Teh Kok Lim [ Taiping ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan pihak Kementerian dalam usaha untuk menurunkan kos melanggan perkhidmatan ASTRO dan bila ia akan tercapai.
18. PR-1422-L05394  
**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah KPM mempunyai perancangan untuk mengurangkan jurang hubungan kaum yang antaranya berpunca daripada kewujudan sekolah-sekolah vernakular di negara ini.
19. PR-1422-L04513  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan penjelasan berkaitan dengan hasil pencapaian pelaksanaan pelan hala tuju Malaysia ke arah sifar penggunaan plastik sekali gunan 2018-2030 ketika ini.

20. PR-1422-L05312  
**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status dan bilakah Kementerian akan membuat pindaan menetapkan had umur perkahwinan bagi bukan Islam dan Islam, lelaki serta perempuan kepada 18 tahun di Malaysia seperti mana komitmen Kerajaan yang diputuskan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada Oktober 2018.
21. PR-1422-L05725  
**Dr. Michael Teo Yu Keng [ Miri ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah yang sedia ada atau yang akan dilaksanakan untuk membanteras jenayah komersial yang kian berleluasa oleh sindiket dan syarikat skim pelaburan yang tidak sah bertujuan untuk menipu wang rakyat seperti skim pelaburan saham, emas dan bitcoin.
22. PR-1422-L05445  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-  
(a) adakah status pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) seperti janji dalam Manifesto Pilihan Raya Pakatan Harapan selepas 1 tahun Pakatan Harapan memenangi Pilihan Raya ke-14; dan  
(b) apakah laporan perkembangan sejak pembentukan jawatankuasa khas mengenai pengiktirafan UEC sejak Oktober 2018.
23. PR-1422-L05707  
**Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada fungsi dan peranan BERNAS masih sama dengan tujuan asal penubuhannya pada tahun 1996.
24. PR-1422-L04368  
**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bilakah subsidi bersasar akan dilaksanakan. Jelaskan secara terperinci kelayakan penerima subsidi seperti kuasa kuda kenderaan, jumlah liter petrol yang diperuntukkan dan sebagainya.

25. PR-1422-L04779  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan sebuah agensi pemantau khas bagi pendidikan awal, latihan kepada golongan pendidik dan penjagaan kanak-kanak seawal sebelum setahun hingga enam tahun meliputi semua aspek. Jika tidak, apakah pendekatan yang diambil pihak Kementerian.
26. PR-1422-L04915  
**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini operasi Lynas dan di manakah sisa Lynas akan dilupuskan.
27. PR-1422-L04522  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah terdapat peruntukan untuk mengecualikan atau subsidi yuran bagi golongan anak asnaf atau B40 bagi kategori sekolah atau IPTA.
28. PR-1422-L05170  
**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perkembangan semasa rancangan dan usaha merangka Dasar Agro Makanan 2.0 (2021-2030) yang diumumkan sejak tahun lalu lagi.
29. PR-1422-L04474  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan secara terperinci perkembangan terkini pengenalan mekanisme subsidi petroleum bersasar baharu dan adakah Kerajaan akan menghapuskan had paras harga petrol RON95 susulan pelaksanaan mekanisme subsidi.
30. PR-1422-L05514  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam memastikan Kelantan turut menerima pelaburan dari negara luar dan apakah alternatif yang dirancang sebelum projek ECRL siap bagi memaksimumkan pengeksportan apabila projek ECRL telah dilaksanakan.

31. PR-1422-L05711  
**Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada RTM bercadang mewujudkan saluran khusus untuk siaran berita, program dokumentari, bual bicara dan informasi seperti saluran BERNAMA News Channel atau Channel News Asia Singapura. Adakah Kementerian berpendapat BERNAMA harus kembali kepada peranan asalnya sebagai agensi berita rasmi dan tidak bersaing dengan syarikat-syarikat surat khabar dalam menyiarkan berita-berita bersifat sensasi dan spekulatif.
32. PR-1422-L05509  
**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah kes kehilangan kanak-kanak yang berlaku daripada tahun 2010 hingga tahun 2019 dan apakah perincian jumlah kes yang belum dan telah diselesaikan mengikut pecahan bulan, umur dan negeri; dan
  - (b) apakah faktor berlakunya kes kehilangan kanak-kanak dan apakah strategi Kerajaan mengekang masalah ini daripada terus berleluasa dan meningkat.
33. PR-1422-L05563  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cara pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di Sarawak. Nyatakan cabarannya dan perbelanjaan yang diperlukan.
34. PR-1422-L04931  
**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membentuk satu polisi komprehensif yang berteraskan teknologi untuk diserapkan di kesemua sekolah di Malaysia sebagai usaha untuk melahirkan tenaga kerja yang seiring dengan perkembangan era digital dan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) pada masa hadapan, sekiranya ada, bilakah garis masa untuk polisi ini dibentangkan.
35. PR-1422-L04745  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan langkah-langkah untuk menangani kegiatan penyalahgunaan dadah termasuk syabu yang semakin berleluasa di beberapa kawasan di Sarawak termasuk kawasan pedalaman.

36. PR-1422-L04800  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) adakah terdapat sebarang perancangan oleh Kementerian untuk meningkatkan gaji anggota polis berpangkat rendah sebagai langkah untuk meningkatkan intergriti pasukan polis; dan
  - (b) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam menjaga kebajikan dan keperluan anggota polis berpangkat rendah.
37. PR-1422-L05678  
**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah garis panduan dan tindakan yang telah diambil kepada peniaga yang menggajikan pekerja asing tanpa izin dan pengusaha yang memajukan peniagaan mereka kepada pekerja asing tanpa izin.
38. PR-1422-L05198  
**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menambah baik dasar pertahanan negara selepas menghadiri Dialog Shangri La sepanjang 31 Mei - 2 Jun 2019 di Singapura.
39. PR-1422-L05077  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) sama ada pihak Kementerian berhasrat untuk mewujudkan kursus-kursus lanjutan untuk guru-guru yang hanya akan mengajar dan mendidik murid-murid autisme ; dan
  - (b) apakah kesediaan Kementerian untuk menempatkan kanak-kanak autisme ini di dalam satu kelas sahaja tanpa perlu untuk bercampur dengan kanak-kanak yang memiliki keupayaan yang berlainan.
40. PR-1422-L04814  
**Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam memajukan sektor pertanian kawasan Parlimen P.207 Igan.

41. PR-1422-L05100  
**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian akan mempertimbangkan elaun khas RM100 kepada kakitangan bukan pengurusan dan profesional Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daripada Skim "S" yang pernah dicadangkan oleh BN dahulu namun tidak dilaksanakan memandangkan bebanan tugas yang digalas oleh JKM semakin meningkat dalam membantu kebajikan rakyat di akar umbi.
42. PR-1422-L04944  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah status terkini kad yang dikatakan akan dikeluarkan untuk membantu dan memberikan subsidi minyak kepada golongan sasaran.
43. PR-1422-L05156  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah kawalan pertanian bagi mengekang racun-racun seludup dari Thailand yang menyalahi undang-undang dari segi kandungan bahan *Active Ingredients* (A.I) yang berbahaya kepada manusia seperti yang berlaku di Cameron Highlands.
44. PR-1422-L04552  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah terkini hutang peminjam yang masih belum dikutip oleh pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) dan apakah penyelesaian tambahan yang bakal diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut.
45. PR-1422-L04989  
**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah jumlah pelajar sepenuh masa di kampus UMS Sandakan pada masa kini; dan
  - (b) apakah rancangan untuk menambah jumlah kursus yang terdapat dalam kampus UMS Sandakan agar memenuhi keperluan pendidikan rakyat Sabah.
46. PR-1422-L04581  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status peruntukkan RM1 bilion bagi menaik taraf semua sekolah daif di Sarawak.

47. PR-1422-L05701  
**Tuan Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) berapa ramaikah penuntut lepasan Diploma dalam bidang teknikal dari Kolej Vokasional di Seluruh negara sejak tahun 2015 sehingga 2019 dan kenapa Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi mereka yang layak menuntut di Kolej Vokasional Kuching tidak dikeluarkan sehingga sekarang; dan
  - (b) sekiranya sijil itu akan dikeluarkan, maka bilakah sijil itu akan dikeluarkan dan kalau tidak maka Kementerian perlu memberi penjelasan kepada pelajar-pelajar yang terlibat supaya mereka tidak tertunggu-tunggu.
48. PR-1422-L05215  
**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kadar keberkesanan agenda yang dilaksanakan oleh majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat sehingga hari ini.
49. PR-1422-L05162  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang kadar ponteng sekolah di Malaysia dan faktor utama yang menyumbang kepada masalah tersebut.
50. PR-1422-L05551  
**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah pihak Kementerian melihat terdapat sebarang keperluan drastik untuk mewujudkan suatu akta khusus untuk memastikan berita yang dikeluarkan oleh media massa dan elektronik adalah berita yang benar dan tidak mengelirukan rakyat. Contohnya video yang mengaitkan seorang Menteri Kabinet dengan seorang lelaki baru-baru ini.
51. PR-1422-L05076  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab semakin ramai pelajar perlu memohon pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk melanjutkan pelajaran dan bagaimana pihak Kementerian dapat menangani situasi peningkatan permintaan terhadap pinjaman PTPTN dari tahun ke tahun.

52. PR-1422-L05101  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah pencerobohan nelayan asing di perairan negara serta:-
- (a) berapakah kadar kerugian akibat pencerobohan tersebut terhadap hasil tangkapan laut. Apakah usaha untuk meningkatkan hasil pendapatan nelayan; dan
  - (b) apakah strategi dan perancangan yang telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah pencerobohan nelayan asing ini.
53. PR-1422-L05267  
**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengubah suai pelantar minyak yang dinyahtarakan oleh Petronas kepada Pengkalan Hadapan Laut untuk kegunaan agensi seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia bagi tujuan menjaga keselamatan Pantai Timur Malaysia seperti mana yang pernah dibuat terhadap Pengkalan Laut Tun Sharifah Rodziah di Timur Sabah.
54. PR-1422-L05376  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terkini bagi menyelesaikan isu lambakan pekerja asing di negara ini yang sudah menjalar kepada isu keselamatan dan jenayah dan sejauh mana keberkesanan tindakan tersebut.
55. PR-1422-L04818  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Kerajaan berkaitan perang perdagangan Amerika Syarikat-China kepada negara dan bagaimanakah persiapan negara bagi mengatasi kesan yang bakal dihadapi kelak.
56. PR-1422-L05398  
**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan yang diambil oleh pihak Kementerian dalam memperkasa bidang pengembangan ilmu melalui aktiviti penterjemahan kitab Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu dan buku rujukan Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu.

57. PR-1422-L04708  
**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah tahap kesiapsagaan pertahanan negara, kemampuan dan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara dari sebarang pencerobohan dan ancaman serta benarkah dakwaan bahawa pertahanan negara adalah lemah sekiranya dibandingkan dengan negara serantau.
58. PR-1422-L04338  
**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan inisiatif-inisiatif baharu Kementerian bagi melindungi kebajikan warga emas dan pesakit terlantar.
59. PR-1422-L04361  
**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [ Tebrau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan berbincang dengan China untuk memansuhkan permit visa masuk keluar kedua-dua negara atau memudahkan perolehan permit visa untuk melawat negara China atau Malaysia.
60. PR-1422-L04400  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah Kerajaan Malaysia telah menghantar pulang semula 60 kontena dengan 3,000 tan metrik sisa sampah plastik ke negara asal sampah-sampah plastik tersebut.
61. PR-1422-L(5)00042  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimanakah mekanisme pelaksanaan sistem petunjuk prestasi utama (KPI) untuk syarikat telekomunikasi (TELCO) dalam menangani aduan daripada pelanggan seperti mana yang diumumkan oleh Menteri baru-baru ini.
- [ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]**
62. PR-1422-L05334  
**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status projek Aquapolitan di Kampung Seberang Pok Abu yang diluluskan oleh Kerajaan pada 2015.

63. PR-1422-L05344  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan prestasi Net Energy Metering (NEM) pada tahun 2019 berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Sama ada Kerajaan bersedia memberikan insentif cukai pendapatan bagi pihak-pihak yang terlibat dalam NEM.
64. PR-1422-L05388  
**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa jumlah tanah terbiar khususnya di daerah Sik, negeri Kedah serta seluruh negara dan apakah perancangan Kementerian untuk memajukan tanah-tanah terbiar tersebut.
65. PR-1422-L04834  
**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah signifikan dan justifikasi pelaksanaan membuat Kertas Konsultasi Rakyat sedangkan jelas diketahui umum bahawa apa yang diinginkan oleh rakyat adalah agar Kerajaan menunaikan janji manifesto untuk menanggungkan pembayaran bagi peminjam bergaji kurang dari RM4000 sebulan dan memansuhkan dasar senarai hitam.
66. PR-1422-L04427  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rasional untuk menutup beberapa cawangan pejabat pos di Sabah.
67. PR-1422-L04537  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tahap kesediaan aset-aset Angkatan Tentera Malaysia bagi menghadapi sebarang kemungkinan ancaman terhadap kedaulatan negara pada masa akan datang kesan daripada perubahan geopolitik serantau atau dunia.
68. PR-1422-L04867  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kewajaran penamatan tugas kawalan keselamatan bagi anggota RELA di Pusat Khidmat Komuniti RELA seluruh negara. Apakah kesan terhadap tahap keselamatan komuniti memandangkan badan ini merupakan salah satu benteng pertahanan negara.

69. PR-1422-L05474  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dasar yang jelas Kementerian ketika merangka proses kemasukan pelajar ke kolej matrikulasi dan adakah dasar tersebut dapat dijalankan dengan lebih berkesan.
70. PR-1422-L04728  
**Tan Sri Noh bin Haji Omar [ Tanjung Karang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rasionalnya Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 dibuat untuk Menteri melantik :-
- (a) enam (6) orang ahli Jemaah Pengarah NAFAS; dan
  - (b) lima (5) orang ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri.
71. PR-1422-L04869  
**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian telah menjalankan pemeriksaan harga barang secara menyeluruh disebabkan oleh berlakunya peningkatan harga barang setelah Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).
72. PR-1422-L04920  
**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu saluran televisyen khusus bagi mempromosikan bidang Sains Teknologi dan Matematik (STEM) dan mempromosikan Inovasi Sains bagi meningkatkan minat rakyat terutama kanak-kanak dan pelajar menceburi bidang Sains.
73. PR-1422-L05538  
**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak Januari hingga bulan lalu, berapa banyakkah pasport antarabangsa Malaysia hilang dan apakah tindakan menangani masalah tersebut.
74. PR-1422-L05547  
**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status permohonan pelajar India ke Program Matrikulasi untuk tahun 2019 dan tahun seterusnya.

75. PR-1422-L05214  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengeluarkan sijil kewarganegaraan kepada kanak-kanak yang menjadi sah taraf dari tarikh pendaftaran perkahwinan ibu-bapanya (bapa adalah warganegara Malaysia) di bawah Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, berikutan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. WA-25-198-10/2016 pada 2 Mei 2019.
76. PR-1422-L05179  
**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam mengatasi kenaikan harga barang-barang keperluan secara mendadak seperti sayur di musim perayaan.
77. PR-1422-L05688  
**Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana keberkesanan penyeragaman harga barangan di kawasan luar bandar yang telah dilancarkan semasa perayaan berganda Hari Gawai dan Hari Raya yang lepas di Sarawak.
78. PR-1422-L04899  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memastikan Bantuan Sara Hidup Nelayan akan dikekalkan, dan dipertimbangkan kenaikan bantuan tersebut berasaskan kos sara hidup semasa.
79. PR-1422-L05014  
**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini nasib pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan kontrak di sekolah yang telah ditamatkan perkhidmatan tanpa sebarang notis awal serta impaknya kepada pihak sekolah.
80. PR-1422-L04583  
**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah status bantuan khas kepada pesawah sementara menunggu hasil tuaian padi tahun 2018 negeri Sarawak yang telah ditarik balik oleh Kerajaan Persekutuan.

81. PR-1422-L05512  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian untuk menangani masalah internet dan talian telefon mudah alih di kawasan Kuala Krai dan bilakah masalah tersebut akan diselesaikan.
82. PR-1422-L04618  
**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Program 2u2i di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) termasuk bilangan terkini syarikat industri yang memberi sumbangan khidmat menjayakannya.
83. PR-1422-L05042  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan-keadaan yang dianggap keadaan khas di mana seseorang di bawah umur 21 tahun boleh didaftarkan sebagai seorang warganegara di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan.
84. PR-1422-L05039  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan tidak meluluskan kewarganegaraan kepada isteri kepada warganegara Malaysia yang berhak kepada kewarganegaraan Malaysia apabila isteri berkenaan telah memenuhi 3 syarat yang dinyatakan di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu beliau sudah bermastautin di Persekutuan selama 2 tahun, berniat untuk bermastautin secara tetap dan berkelakuan baik.
85. PR-1422-L05269  
**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan ada perancangan untuk meletakkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sebagai cabang Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah Ketua Polis Negara.
86. PR-1422-L04340  
**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dasar baharu Kementerian bagi memperkasakan pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) supaya seiring dengan cabaran Industri 4.0.

87. PR-1422-L04401  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan ikut tahun berapa orang yang telah dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak PTPTN atas kegagalan membayar kembali pinjaman mereka bagi 5 tahun terakhir.
88. PR-1422-L05637  
**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menghulurkan bantuan dari segi peruntukan dan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan untuk membantu sekolah daif, sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan Parlimen Libaran.
89. PR-1422-L04671  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi menaikkan kadar gaji anggota polis berpangkat rendah dalam membantu mengurangkan tekanan kos sara hidup disamping meningkatkan integriti pasukan berkenaan.
90. PR-1422-L04480  
**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah petani dan nelayan yang telah diputihkan dan berapa banyak peruntukan subsidi yang telah dijamin.
91. PR-1422-L04508  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan dan strategik Kementerian Pendidikan bagi penambahan kuota pengambilan matrikulasi di mana masih terdapat pelajar-pelajar yang berkelayakan tidak dapat memasuki matrikulasi. Walaupun matrikulasi adalah khas untuk pelajar-pelajar Bumiputera tetapi Kementerian tidak boleh mengabaikan pelajar-pelajar kaum lain yang berkelayakan. Ini merupakan satu perkara yang serius maka Kementerian harus mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelesaikan secepat mungkin.
92. PR-1422-L04325  
**Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah pemegang IMM13 di Sabah yang diberi kepada pelarian peperangan warga asing diberi MYPR dengan kod 12.

93. PR-1422-L04797  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan suatu ketika lalu penggiat-penggiat sastera tanah air diperakukan oleh Kerajaan berperanan penting membangunkan minda rakyat bagi kemajuan negara, justeru apakah Kementerian menyediakan pelan dan perancangan khas bagi membantu golongan tersebut, sebagai membantu golongan ini agar mereka bersama-sama membangun negara dan minda rakyat.
94. PR-1422-L05104  
**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah promosi yang dilakukan oleh Pasukan Sukarelawan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dalam menggalakkan lebih ramai belia menyertai pasukan simpanan tersebut.
95. PR-1422-L05426  
**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan enakmen undang-undang yang dipakai dan juga agensi penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan dalam menangani kebanjiran dan monopoli pendatang asing tanpa izin (PATI) yang berniaga secara haram di merata-rata tempat di negara ini. Adakah suatu Jawatankuasa Khas diwujudkan dalam menangani masalah ini.
96. PR-1422-L04560  
**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status pelaksanaan "*National Fibreisation and Connectivity Plan*" (NFCP) terutamanya projek perintis oleh TNB di Jasin, Melaka, dan apakah langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang dalam pelaksanaan pelan NFCP.
97. PR-1422-L05612  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berdasarkan kenyataan Ketua Polis Negara berkenaan fokus baharu Cawangan Khas, adakah Cawangan Khas tersebut diberi tugas untuk pengawasan geng-geng, kartel narkoba, pelacuran dan perjudian haram.
98. PR-1422-L04573  
**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah dan kandungan aduan yang telah diterima oleh TNB dan Suruhanjaya Tenaga mengenai isu "*Smart Meter*" dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

99. PR-1422-L04942  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil dapatan pandangan orang awam yang dibuat oleh PTPTN, dan apakah sudah terdapat cadangan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah hutang peminjam yang tertunggak.
100. PR-1422-L05357  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keperluan "*wire tapping*" oleh pihak berkuasa dengan alasan usaha pencegahan dan pembanterasan awal untuk sebarang aktiviti jenayah terancang dan aktiviti subversif yang telah mengakibatkan satu pencabulan hak asasi manusia.
101. PR-1422-L05440  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Labuan akan diperlengkapkan dengan kemudahan yang belum terbina seperti jeti pendaratan dan sebagainya dalam tahun ini.
102. PR-1422-L04888  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan keluar masuk warga terutama dari negara Asia ke negara kita bermula 1 Mei 2018 sehingga 31 Mei 2019.
103. PR-1422-L04872  
**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kedudukan kuota 90/10 akan terus kekal dalam pengambilan pelajar Matrikulasi apabila jumlah pelajar ditambah pada masa hadapan serta bilakah cadangan Kolej Matrikulasi akan dibuka untuk pengambilan tambahan.
104. PR-1422-L05659  
**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengenai import sayur-sayuran dan buah-buahan dari negara luar:-
- (a) peratusan (%) sayur-sayuran dan buah-buahan yang diimport berbanding keluaran tempatan; dan
  - (b) apakah usaha-usaha untuk mengurangkan pengimportan sayur-sayuran dan buah-buahan dari negara luar.

105. PR-1422-L05430  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan dasar pertahanan negara dalam menerima tawaran bantuan ketenteraan asing seperti bantuan dari pihak Amerika Syarikat untuk membekalkan secara percuma kepada ATM peralatan pengawasan perisikan.
106. PR-1422-L05485  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai hasrat untuk merangka pelan tindakan bagi memastikan penglibatan belia dalam industri pertanian dan perladangan.
107. PR-1422-L05431  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kemajuan pelaksanaan konsep pertahanan menyeluruh (HANRUH) atau "*total defence*" sejak ia diperkenalkan mulai tahun 2016 dan adakah sudah ada sebarang latihan yang dijalankan melibatkan semua agensi Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), dan sektor swasta berkaitan.
108. PR-1422-L04415  
**Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengenai perancangan bahawa akan diadakan tanaman secara besar-besaran seluas 2,000 ekar di kawasanya di Linga dan bagaimana komuniti di kawasan berkenaan boleh terlibat secara langsung dalam projek ini.
109. PR-1422-L05600  
**Tuan Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bolehkah padi wangi ditanam secara perintis di jelapang padi Sekinchan.
110. PR-1422-L04673  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan penjelasan punca berlakunya peningkatan mendadak bil elektrik terutamanya menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini dan apakah jaminan Kerajaan supaya kejadian seperti sedemikian tidak lagi berulang.

111. PR-1422-L05464  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status keberjayaan pelaksanaan Program Susu Sekolah (PSS) dan Rancangan Makanan Tambahan (RMT).
112. PR-1422-L04341  
**Dato' Sri Dr. Santhara [ Segamat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju bagi jurusan Tingkatan 6 pada masa akan datang dan sejauh manakah kelayakan Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia (STPM) diterima pakai sebagai kelayakan utama untuk kemasukkan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) menjelang tahun 2020.
113. PR-1422-L04621  
**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah atau inisiatif Kementerian mengenai pembangunan modal insan dalam bidang teknologi digital bagi memperkukuhkan bakat untuk peluang pekerjaan dalam era ekonomi digital serta memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0.
114. PR-1422-L05116  
**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha Kementerian membangunkan industri akuakultur di Malaysia.
115. PR-1422-L05668  
**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian telah menyediakan "*blueprint*" pendidikan atau adakah Kementerian akan menggunakan "*blueprint*" yang telah tersedia ada dari Kerajaan lepas. Jika ada apakah inisiatif Kementerian untuk memperkasakannya selepas dilihat sistem pendidikan sering bertukar.
116. PR-1422-L04532  
**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah CIQ baru di Pandam, Limbang, Sarawak akan dimulakan pembinaannya memandangkan jambatan baru di Limbang sedang dalam pembinaan.
117. PR-1422-L04754  
**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah peruntukan yang diluluskan untuk menempatkan tukun tiruan konkrit di sekitar perairan Terengganu; dan berapakah bilangan tukun tiruan yang masih aktif.

118. PR-1422-L05545  
**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes Macau Scam yang berlaku sejak Januari hingga Mei lalu dan berapa jumlah kerugian serta siapakah sasaran utama sindiket.
119. PR-1422-L05561  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) alasan membina semua kapal tersebut di China dan sama ada Kementerian akan memperoleh lagi banyak LMS dari China serta sama ada kapal tersebut akan diatur gerak dalam operasi mempertahankan kedaulatan Pulau Layang-layang ; dan
  - (b) hasil pemindahan pengetahuan dan teknologi oleh CSOC kepada Boustead Naval Shipyard S/B(BSN), adakah hasil ini merupakan harta Kerajaan. Bagaimana hasil ini boleh dikongsikan kepada syarikat pembinaan kapal *naval* lain pada masa yang akan datang.
120. PR-1422-L05429  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan setakat manakah peningkatan tahap kesiapsiagaan dan keupayaan kombat setiap perkhidmatan ATM kini sama ada semakin baik, lebih bersedia dan lebih berkeupayaan dalam melaksanakan (*mission capable*) berbanding sebelum ini .
121. PR-1422-L04398  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menjelaskan tentang laporan akhbar yang menyatakan bahawa antara 45,000 hingga 90,000 pekerja pembersihan sekolah tidak ditawarkan kontrak baharu.
122. PR-1422-L05019  
**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan atas tanah milik Kementerian seluas 1222 ekar di Sungkai, Perak, memandangkan kegagalan pelaksanaan "*Malaysian Defence and Security Technology Park*" (MDSTP) di atas tanah tersebut.

123. PR-1422-L04424  
**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah pelancong China, India dan negara-negara lain yang datang ke Malaysia dan terus menetap di Malaysia, di mana mereka ini berada mengikut negeri. Dan apakah langkah Kementerian supaya mereka ini boleh dihantar pulang ke negara asal mereka.
124. PR-1422-L05041  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk mendaftar seorang di bawah 21 tahun sebagai warganegara di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan jika sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapanya adalah seorang warganegara.
125. PR-1422-L04810  
**Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah sekolah akan dilaksanakan pembinaannya secara "*Industrialised Building System*" (IBS) di kawasan Parlimen P.2007. Nyatakan berkenaan dan kos yang terlibat serta bila akan dilaksanakan.
126. PR-1422-L04521  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk membaik pulih kuarters kem TUDM yang kebanyakannya telah uzur dan usang.
127. PR-1422-L05009  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penerangan lanjut tentang pelan penguatkuasaan pendatang asing tanpa izin secara holistik yang dimaklumkan kepada orang ramai baru-baru ini. Apakah lima strategi yang dimaksudkan dan Kementerian-Kementerian serta agensi-agensi Kerajaan yang terlibat.
128. PR-1422-L05002  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan rancangan ATM dalam menerajui konsep '*jointness*' antara ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM, memandangkan cabaran semasa semakin merentasi domain pertempuran.

129. PR-1422-L05252  
**Tuan Ali anak Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan dengan status semasa kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik sekolah-sekolah ke grid utama di Sarawak, khususnya sekolah-sekolah di P205 Saratok.
130. PR-1422-L04379  
**Datuk Aaron Ago Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebenar jumlah penduduk asing/ mengikut warganegara mereka yang berada di Malaysia ( yang sah dan PATI ) mengikut pekerjaan dan negeri mereka berada.
131. PR-1422-L05064  
**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [ Petrajaya ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan harga barang keperluan asas terkawal serta tidak membebankan pembeli bukan sahaja pada musim perayaan.
132. PR-1422-L05024  
**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian untuk menamatkan monopoli Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) dan apakah persediaan Kementerian setakat ini bagi mengatasi risiko memecah monopoli BERNAS terutamanya soal keselamatan bekalan makanan negara.
133. PR-1422-L05322  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci program-program yang telah dan akan dilaksanakan untuk tujuan pemulihan bagi peserta kumpulan pengganas IS yang kembali ke tanah air dan tindakan susulan yang akan diambil oleh pihak Kementerian, serta kriteria yang digunakan untuk mengukur keberjayaan program-program ini.
134. PR-1422-L05286  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan hasil kerja lawatan beliau ke Lubnan pada 4 Jun 2019, khususnya hala tuju penyertaan Angkatan Tentera Malaysia dalam pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta sama ada Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan lagi usaha Malaysia mengekalkan keamanan di persada antarabangsa.

135. PR-1422-L05624  
**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha dan langkah yang diambil pihak Kementerian untuk membela nasib pekerja kontrak seperti pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan melibatkan bangunan dan kawasan sekolah seluruh negara yang kehilangan kerja.
136. PR-1422-L04565  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca-punca utama dan langkah yang diambil untuk mengesan seramai 831 orang kanak-kanak dan remaja yang dilaporkan hilang di seluruh negara sejak tahun 2010 hingga akhir bulan Mei 2019, serta masih belum ditemukan.
137. PR-1422-L05745  
**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan setakat hari ini apakah jenis alat atau aset '*defence*' yang telah dibeli oleh Malaysia. Nyatakan nilai dalam Ringgit Malaysia yang telah dibelanjakan bagi tujuan pembelian itu.
138. PR-1422-L05753  
**Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan selain insentif sedia ada yg ditawarkan oleh MIDA, NCIA dan agensi persekutuan yang berkenaan kepada pelabur-pelabur asing, apakah insentif yang berimpak tinggi yang Kerajaan Persekutuan boleh usulkan utk meningkatkan FDI ke negara kita.
139. PR-1422-L05763  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan agar Sabah dapat mencapai sumbangan Industri kepada GDP daripada 7.2% pada masa ini kepada 35% menjelang Tahun 2030.
140. PR-1422-L05619  
**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kemalangan di setiap jenis-jenis jalan ketika musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang lepas dan apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi jumlah kemalangan ini pada musim perayaan yang akan datang.

141. PR-1422-L05289  
**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan PH dalam memastikan setiap sekolah di kawasan pedalaman mendapat capaian internet yang pantas yang amat diperlukan dalam proses pembelajaran dan pengajaran.
142. PR-1422-L05273  
**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian daripada segi peruntukan kewangan kepada sekolah bagi menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan dan kokurikulum di dalam dan luar sekolah terutamanya bagi sekolah-sekolah luar bandar.
143. PR-1422-L05595  
**Puan Kasthuraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status SOP untuk permohonan perkahwinan kanak-kanak menerusi mahkamah Syariah dan mahkamah anak negeri serta bilakah Akta Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 akan dipinda untuk menetapkan 18 sebagai umur minima perkahwinan dan usaha untuk menghentikan perkahwinan sivil di bawah 18 tahun.
144. PR-1422-L04557  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perkembangan terkini berkenaan isu Lynas.
145. PR-1422-L05375  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah justifikasi Kerajaan menerima 12 dron atau pesawat tanpa pemandu (UAV) ScanEagle bernilai RM80 juta secara percuma daripada Amerika Syarikat bagi membantu meningkatkan "*Maritime Domain Awareness*" (MDA) di rantau Asia Tenggara.
146. PR-1422-L05608  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sama ada negara Jepun mempunyai sebarang pengaruh yang tidak wajar terhadap keputusan Kerajaan mengenai perkara Lynas dan sama ada pengaruh tersebut, jika ada, berkaitan dengan bon Samurai.

147. PR-1422-L04482  
**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai pengusaha-pengusaha Bumiputera yang telah berjaya menembusi pasaran eksport serta menyatakan jenis-jenis produk dan nilai eskport setiap daripada mereka.
148. PR-1422-L05555  
**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah penjelasan dan mekanisme daripada pihak Kementerian terhadap masalah kenaikan harga barang selepas cukai SST dilaksanakan sedangkan sewaktu menjadi pembangkang dahulu, Pakatan Harapan mengatakan bahawa GST menjadi punca utama kenaikan harga barangan.
149. PR-1422-L04661  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah lain yang diambil oleh pihak Kementerian dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat terutamanya dalam menurunkan harga barangan setelah gagal berbuat demikian walaupun GST telah dihapuskan dan dilihat gagal menurunkan harga barangan.
150. PR-1422-L05248  
**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penglibatan Kementerian dalam menangani masalah dadah dan berapa ramai penagih dadah berjaya dipulihkan daripada pendekatan yang telah diambil.
151. PR-1422-L05151  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan siswazah lulusan perubatan secara persendirian dari luar negara seperti Rusia, Ukraine, Poland, India dan sebagainya yang memohon untuk mengikuti latihan Pegawai Perubatan Latihan Siswazah (*Housemanship*) dan setakat manakah mereka ini telah menyekat peluang lulusan perubatan dalam negara dan luar negara yang menerima tajaan Kerajaan serta apakah langkah Kerajaan bagi memastikan hanya pelajar berkeelayakan sahaja (termasuk mempunyai sijil SPM yang tidak palsu) dibenarkan untuk mengikuti pengajian perubatan di luar negara bagi memastikan mutu perkhidmatan perubatan di negara ini terjamin.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R 22/2019 ) Rang Undang-Undang Penyemakan Undang-Undang (Pindaan) 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**  
**[ Perdana Menteri ]**
2. ( D.R 23/2019 ) Rang Undang-Undang Mata Wang 2019 "  
**[ Menteri Kewangan ]**
3. ( D.R 24/2019 ) Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019 "  
**[ Menteri Kewangan ]**

4. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM22,000 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut, bilangan ST.106, ST.107 dan ST.108 bagi tahun 2019 disahkan."

6. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 80A, peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Majlis mengambil ketetapan seperti berikut:

(a) Menubuhkan suatu Jawatankuasa untuk menyiasat penyebaran Laporan Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri Sabah Kali Keenam Tahun 2017 oleh BERSIH 2.0 sebelum 17 Julai 2019 yang merupakan dokumen rahsia berstatus embargo sehingga laporan tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat dan mengenal pasti sama ada terdapat individu yang terlibat dengan penyebaran tersebut serta mengambil tindakan bersesuaian mengikut Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952; dan

(b) Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada anggota-anggota seperti berikut:

1. YB Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof - Pengerusi
2. YB Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjung Piai];
3. YB Datuk Seri Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya];
4. YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah];
5. YB Tuan Ahmad bin Hassan [Papar];
6. YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]; dan
7. YB Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]. "

7. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan 76, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya mohon mencadangkan supaya Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Ahli Parlimen Bera menggantikan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Ahli Parlimen Bagan Datuk sebagai salah seorang daripada enam Ahli Jawatankuasa Pemilih di bawah peraturan Mesyuarat 76 untuk tempoh Parlimen Keempat Belas."

8. PR-1422-U(27)050

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil daripada cadangan-cadangan penstrukturan semula dan pelan pemulihan terhadap syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB). Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam usaha memulihkan semula masa depan MAB. "

**[ Perdana Menteri ]**

9. PR-1422-U(27)051

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada 18 nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan

akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangan."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

10. PR-1422-U(27)052

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia dengan mewujudkan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif sekaligus membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1422-U(27)053

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH iaitu Membela Nasib Orang Asal di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenipkan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

**[ Perdana Menteri ]**

12. PR-1422-U(27)054

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja."

"Dalam semangat Malaysia Baharu selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk perasaan keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati. "

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

13. PR-1422-U(27)055

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn. Bhd., ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat kerana SilTerra Malaysia Sdn. Bhd. adalah milik Khazanah Nasional. Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

14. PR-1422-U(27)056

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate–UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM."

"Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM."

"Mantan Menteri Pelajaran iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013."

"Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai pra-syarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdalak-dalik."

"Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

15. PR-1422-U(27)057

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan."

"Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu."

"Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina."

"Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpenggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas."

**[ Menteri Pendidikan ]**

16. PR-1422-U(27)058

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara."

"Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baharu' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam

masa sama, semangat 'Malaysia Baharu' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

**[ Perdana Menteri ]**

17. PR-1422-U(27)059

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berpelembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar dalam kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya dalam kalangan anak-anak muda berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi Bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang institusi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja. Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berpelembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berpelembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat. "

**[ Perdana Menteri ]**

18. PR-1422-U(27)060

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Laporan Rumusan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi LYNAS yang telah dikeluarkan pada 8 Disember 2018 yang lalu. Pembentangan ini amat penting supaya rakyat memahami dengan jelas apakah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut untuk tindakan seterusnya. Laporan ini juga sekaligus akan meleraikan setiap kenyataan-kenyataan anggota pentadbiran Kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan yang bercanggah dan mengelirukan. Laporan rumusan ini juga akan menjadi rujukan utama untuk platform analisis bagi semakan sama ada tindakan Kementerian berhubung operasi LYNAS selari dengan kandungan rumusan laporan tersebut."

**[ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim ]**

19. PR-1422-U(27)061

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menyatakan pendirian terhadap desakan antarabangsa yang berterusan kepada Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi semua perjanjian antarabangsa mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan tanpa campur tangan kuasa asing perlu mempunyai pendirian yang jelas dan tidak bercelaru kerana setiap negara mempunyai hak sama ada untuk turut serta atau sebaliknya dalam setiap perjanjian antarabangsa kerana tidak kira kuasa besar atau kecil, keutamaan negara individu adalah berbeza diantara satu sama lain. Menjadi prinsip kebanyakan negara terutamanya kuasa besar dunia akan hanya mengesahkan perjanjian antarabangsa jika ia tidak menongkah arus kehendak Perlembagaan sesuatu negara iaitu kepentingan rakyat dan negara mereka diutamakan. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan harus dijadikan rujukan utama buat Malaysia dalam membuat apa-apa keputusan. Seperti mana keenganan negara-negara kuasa besar dunia mengesahkan perjanjian-perjanjian hak asasi ini perlu dijadikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia kerana asas utama keenganan negara-negara besar ini ialah mereka amat kluatir konvensyen tersebut akan menghakis kedaulatan negara mereka. Pendirian berkenaan perjanjian antarabangsa memerlukan kefahaman tentang pemakaian undang-undang antarabangsa dalam sistem perundangan Malaysia. Pemahaman terhadap teori penerimaan dan pemakaian undang-undang antarabangsa dalam suatu negara iaitu Doktrin Diperbadankan (*Doctrine of Incorporation*) dan Doktrin Transformasi (*Doctrine of Transformation*) perlu jelas dan difahami secara

mendalam terlebih dahulu. Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberikan kesan bahawa kuasa untuk membuat atau menandatangani dan meratifikasi triti atau perjanjian di peringkat antarabangsa adalah terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Ia juga menunjukkan bahawa Badan Eksekutif mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian antarabangsa atau menandatangani apa-apa perjanjian antarabangsa, manakala kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang antarabangsa tersebut adalah terletak hak kepada Parlimen. Prinsip yang harus Kerajaan nyatakan dengan jelas adalah kedaulatan negara dan kepentingan rakyat masing-masing mesti didahulukan walaupun negara terbabit akan dituduh sebagai tidak menghormati suara majoriti masyarakat antarabangsa."

**[ Menteri Luar Negeri ]**

20. PR-1422-U(27)062

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar yang jelas serta dan polisi yang lengkap berkenaan menetapkan harga lantai bagi sektor komoditi di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai mekanisme yang kukuh dalam menstabilkan harga sektor komoditi di negara ini yang merangkumi industri sawit, industri getah, industri koko, industri lada dan industri tembakau. Dengan melaksanakan penetapan harga subsidi atau harga lantai bagi setiap industri komoditi ini akan memastikan nasib peneroka dan pekebun kecil terbela melalui jaminan harga industri yang jelas dan kukuh pada setiap masa. Kerajaan harus menggunakan semua platform seperti agensi Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta agensi-agensi antarabangsa yang memainkan peranan besar dalam menyelaras sektor komoditi. Kerajaan juga perlu menyediakan pelan-pelan sokongan dan bantuan bagi jangka masa panjang bagi memastikan mereka yang terlibat terutamanya peneroka dan pekebun kecil tidak terjejas dan tidak terlalu bergantung kepada harga pasaran dunia."

**[ Menteri Industri Utama ]**

21. PR-1422-U(27)063

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model pendidikan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa

membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi akaun akan dilihat semakin serius jika perancangan ini tidak dilakukan segera. Apabila model pendidikan daripada peringkat awal pembelajaran tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda, potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

**[ Menteri Pendidikan ]**

22. PR-1422-U(27)047

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan serta memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU-14."

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1422-U(27)048

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

24. PR-1422-U(27)049

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) mengenai Pilihan Raya, supaya JPKP tersebut boleh menyiasat aduan mengenai salah laku-salah laku bekas ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam pilihan raya umum yang lepas; dan Parlimen mempunyai sebuah platform bebas tersendiri untuk memantau dan menerima laporan daripada SPR secara berterusan."

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2019</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR.1	Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih, Dewan Rakyat Yang Keempat Belas, Menurut Peraturan Mesyuarat 76(2), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	18 Julai 2019
ST.115	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Bagi Tahun 2018	18 Julai 2019

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 18.07.2019 (Khamis)	1. YB Tuan Awang Husaini bin Sahari (Putatan)	1. Cadangan Untuk Menaik Taraf Jalan Ramayah Ke Jalan Putatan Termasuk 'Flyover' Di Putatan	1. YB Menteri Kerja Raya
2. 18.07.2019 (Khamis)	2. YB Dato' Sri Dr. Santhara (Segamat)	2. Isu Belia FELDA	2. YB Menteri Belia Dan Sukan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**